



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PULUT SEMANGAT: ANTARA NILAI DAN KEPERCAYAAN: SATU KAJIAN KES

HASIMAH BINTI ABDUL HAMID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTRASI YANG DIKEMUKAKANINI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SENI)
PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

25. 04. 2007



Tandatangan

HASIMAH BT ABDUL HAMID
M20051000155



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Terlebih dahulu dilafazkan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan disertasi ini.

Pertama-tamanya setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Haji Mohd Zahidee Hj Arshad selaku penyelia dan pencetus sumber inspirasi di sepanjang saya menyiapkan disertasi ini. Sesungguhnya segala tunjuk ajar dan teguran yang diberikan oleh beliau amat saya sanjungi dan mudah-mudahan menjadi azimat yang amat berguna buat saya.

Seterusnya tidak dilupakan juga setinggi penghargaan kepada pensyarah dan kakitangan di Fakulti Seni dan Muzik khasnya juga pensyarah dan kakitangan di Pusat Pengajian Siswazah amnya yang juga banyak menyumbangkan ilmu dan tenaga dalam penghasilan disertasi ini. Segala curahan ilmu pengetahuan dan kerjasama tidak ternilai dan tetap abadi dalam ingatan sehingga ke akhir hayat. Insya-Allah.

Begini juga setinggi-tinggi ucapan terima kasih buat responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu Puan Rokiah Ismail, Puan Rahmah Mat Piah dan Encik Mohd Sofian Abd. Hamid yang tidak jemu memberi kerjasama sewaktu sesi temu bual dan rakaman visual. Budi kalian akan tetap disanjung dan abadi dalam ingatan ini selamanya. Tanpa kerjasama dari kalian sudah pasti disertasi ini tidak dapat dihasilkan.



Buat ayahanda dan bonda serta seisi keluarga, tiada kata-kata yang dapat anakanda jalinkan bagi membalas budi kalian selama ini. Segala sokongan moral dan belai kasih daripada kalian mengutuhkan lagi semangat diri menongkah arus kehidupan dan menyelami lautan ilmu demi menjelaki persada kejayaan.

Akhir sekali, tidak dilupakan juga sejambak penghargaan buat pentadbir di sekolah kerana memahami keadaan juga teman sepengajian dan teman sekerja yang turut menyumbangkan pandangan bagi meneruskan perjuangan untuk menyiapkan disertasi ini. Keikhlasan anda yang tidak jemu-jemu untuk memberi pandangan sama ada berupa pujian maupun kritikan membina amat dihargai. Selamat menempuh hidup yang gemilang di dunia dan di akhirat.

Kepada Semuanya – “Terima Kasih Daun Keladi” atas Segalanya.

Hasimah Bt. Abdul Hamid,
51A, Kampung Tanjung kala,
33300 Gerik,
Perak Darul Ridzuan.





ABSTRAK

Pulut Semangat: Antara Nilai dan Kepercayaan merupakan sebuah penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengupas persoalan budaya dan adat masyarakat Melayu dahulu. Penyelidikan ini merupakan satu kajian kes yang dilakukan di Kampung Tanjung Kala iaitu sebuah perkampungan yang terletak di daerah Hulu Perak. Penyelidikan ini melibatkan tiga orang responden yang terdiri daripada mereka yang berpengetahuan dan berpengalaman dalam adat dan budaya pulut semangat di kawasan kajian. Tujuan penyelidikan ini bagi mengenali budaya lama yang semakin dilupakan dan juga memberi pendedahan kepada generasi muda yang sudah tidak mementingkan adat dalam kehidupan bermasyarakat. Metodologi penyelidikan ini melibatkan kaedah temubual dengan responden, rakaman visual dan melalui pemerhatian. Hasil penyelidikan yang diperoleh hanya menunjukkan amalan yang dilakukan di kawasan kajian dan jika terdapat persamaan, ia merupakan kesan daripada sifat budaya yang saling pengaruh mempengaruhi. Budaya pulut semangat merupakan budaya yang di dalamnya terkandung nilai dan kepercayaan di sebalik pantang larang dalam penyediaan dan gubahannya. Justeru itu setiap perlakuan pengamal budaya pulut semangat ini mempunyai siratan makna bermula daripada penyediaan bahan hingga adat memakannya. Namun begitu, akibat perubahan budaya masyarakat Melayu yang dikesan melalui sistem nilai dan estetika, sistem pendidikan, sistem politik dan ekonomi, teknologi serta persekitaran maka budaya pulut semangat sudah tidak mendapat tempat lagi dalam masyarakat kini.





ABSTRACT

“Pulut Semangat” : Between Value and Belief, is actually a research that used the qualitative approach to study the ancient Malay culture. The research comprises a case study in Kampung Tanjung Kala, which is a village in the District of Hulu Perak. This research consists of three very knowledgeable and experienced respondents in this specific culture. The purpose of the research is to get close to this ancient culture and also to give exposure to the new generation who nowadays are already neglecting the culture.. The methods used in this research are by interviewing the respondents, visual recording and observation. All the bindings only showed the practise in the study area and if there is similarities, it is the effect of inter-related culture. This culture contains values and beliefs that is shown behind the preparation. Therefore, every practice has an inner meaning starting from the preparation of the component until the reception session. Even so, the changes in Malay culture that can be identified from the value, educational, political, economic system and also technology and environment has made this culture being abandoned.





KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	1
1.3	Tujuan kajian	5
1.4	Persoalan Kajian	6
1.5	Batasan Kajian dan Kekangan	6
1.6	Definisi Istilah dan Pengertian	8
1.6.1	Kebudayaan	8
1.6.2	Nilai	10
1.6.3	Semangat	14
1.6.4	Kepercayaan	15
1.7	Kepentingan Kajian	15
1.8	Rumusan	16

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
-----	------------	----





2.2	Kebudayaan	17
2.2.1	Konsep Kebudayaan	21
2.2.2	Kebudayaan Melayu	22
2.3	Teori Nilai	24
2.4	Asal Usul Pulut Semangat	25
2.5	Model Teoretik	26
2.6	Rumusan	27

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	28
3.2	Pendekatan Kajian	28
3.3	Rekabentuk Kajian	29
3.3.1	Pemerhatian	29
3.3.2	Temu Bual	30
3.3.3	Rakaman Visual	30
3.4	Fokus Kajian	31
3.5	Responden Kajian	31
3.6	Lokasi Kajian	35
3.7	Rumusan	39
3.8	Matrik Pengumpulan Data	40

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	41
4.2	Landasan Soalan	41
4.3	Nilai-nilai dalam Pulut Semangat	42





4.3.1	Nilai Moral	43
4.3.2	Nilai Estetika	50
4.4	Kepercayaan	54
4.4.1	Pantang Larang dalam Pulut Semangat	55
4.4.2	Makna di Sebalik Warna dan Bahagian yang diambil	56
4.4.3	Makna di Sebalik Warna	57
4.4.4	Makna di Sebalik Bentuk	58
4.4.5	Hubungan Hiasan atau Motif dalam Pulut Semangat	59
4.5	Waktu Memakan Pulut Semangat	63
4.6	Majlis dan Upacara Penyediaan Pulut Semangat	64
4.7	Rumusan	66
BAB 5	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pengenalan	68
5.2	Perkaitan antara Persembahan dengan Nilai	69
5.3	Perkaitan Bahan dan Persembahan dengan Konsep dan Unsur Kebudayaan	71
5.3.1	Unsur Keagamaan	71
5.3.2	Unsur Kesenian	72
5.3.3	Organisasi Sosial, Persekutaran dan Ekonomi	73
5.3.4	Unsur Ilmu Pengetahuan	74
5.4	Kedudukan Kini, Nilai dan Kepercayaan	75
5.5	Rumusan	77
RUJUKAN		80





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAMPIRAN

- A1 Borang Pemerhatian 1
- A2 Borang Pemerhatian 2
- B Temubual - Soalan-soalan Umum
- C1 Biodata Responden 1
- C2 Biodata Responden 2
- C3 Biodata Responden 3
- D1 Transkrip Temu Bual 1
- D2 Transkrip Temu Bual 2
- E Surat Akuan Pelajar



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
2.1 Peta Konsep: Model Teoretik	26
3.1 Gambar Foto Responden 1: Puan Rahmah Mat Piah	32
3.2 Gambar Foto Responden 2: Puan Rokiah Ismail	33
3.3 Gambar Foto Responden 3: En Mohd Sofian Abd Hamid	34
3.4 Gambar Foto: Kampung Kajian	35
3.5 Gambar Foto: Petunjuk ke Lokasi kajian	35
3.1 Peta Negeri Perak: Lokasi Kajian	38
3.2 Peta Daerah Kecil Gerik: Lokasi Kajian	39
4.1 Gambar Foto: Bahan-bahan yang digunakan dalam Pulut Semangat	44
4.2 Gambar Foto: Pulut direndam Mengikut Warna-warna Tertentu	45
4.3 Gambar Foto: Pulut ditoskan	46
4.4 Gambar Foto: Pulut dikukus	46
4.5 Gambar Foto: Pulut dikukus	46
4.6 Gambar Foto: Santan Pekat dan Garam	47
4.7 Gambar Foto: Pulut dikukus Kali Kedua	47
4.8 Gambar Foto: Pulut Putih dibentuk seperti Gunung atau Busut	51
4.9 Gambar Foto: Pulut yang telah dibentuk seperti Gunung atau Busut	51
4.10 Gambar Foto: Pembahagian dalam Pulut Semangat	53
4.11 Gambar Foto: Hiasan Motif Pokok Menjalar Menghasilkan Jalinan	53





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

4.12	Gambar Foto: Warna-warna dalam Pulut semangat	56
4.13	Gambar Foto: Motif Bulan dan Bintang dalam Pulut Semangat	60
4.14	Gambar Foto: Motif Bunga Pecah Lima dalam Pulut Semangat	61
4.15	Gambar Foto: Motif Bunga Pecah Lima dalam Pulut Semangat	61
4.16	Gambar Foto: Motif Sisik Ikan dalam Pulut semangat	62
4.17	Gambar Foto: Pulut Semangat dalam Majlis Perkahwinan	65
4.18	Gambar Foto: Pulut Semangat dalam Upacara Berkhatan	65
4.19	Gambar Foto: Pulut Semangat dalam Upacara Bertindik	66



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

- | | |
|--|----|
| 3.1 Jadual: Matrik Pengumpulan Data | 40 |
|--|----|



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

EJAAN PENUH

ASR

Asas seni Reka

KP

Kepercayaan

NE

Nilai Estetika

NM

Nilai Moral

P

Penyelidik

R1

Responden 1

R2

Responden 2

R3

Responden 3

R1/KP

Responden 1/Nilai Kepercayaan



R1/NE

Responden 1/Nilai Estetika

R1/NM

Responden 1 /Nilai Moral

R2/KP

Responden 2/Nilai Kepercayaan

R2/NE

Responden 2/Nilai Estetika

R2/NM

Responden 2/Nilai Moral

R3/KP

Responden 3/Nilai Kepercayaan

R3/NE

Responden 3/Nilai Estetika

R3/NM

Responden 3/Nilai Moral





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini dibahagikan kepada tujuh bahagian kecil yang membincangkan tentang latar belakang kajian, objektif kajian yang menjelaskan tujuan kajian, persoalan kajian, batasan dankekangan kajian yang merangkumi responden, kawasan kajian dan kekangan, definisi istilah dan pengertian, kepentingan kajian dilakukan dan diakhiri dengan kesimpulan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

“Biar mati anak, jangan mati adat”, pepatah Melayu yang wujud dalam masyarakat dahulu menjadi lambang betapa tinggi dan pentingnya adat dalam hidup bermasyarakat. Adat dan peraturan tidak boleh dilanggar dan sekiranya dilanggar, orang itu mesti dihukum walaupun anak sendiri. (Mohd Tajuddin Hj Abd. Rahman, 2005:41). Jika didalami akan pepatah ini ia memberi gambaran betapa menjaga adat budaya amat penting dalam masyarakat Melayu. Sebagaimana yang kita ketahui





masyarakat Melayu menggunakan adat dan budaya untuk membentuk dan membina satu masyarakat yang harmoni berlandaskan sesuatu nilai yang terkandung dalam adat dan budaya yang didokong.

Adat merupakan suatu bentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehingga di anggap sebagai satu tradisi. Termasuk di dalam konsep ini ialah cara hidup sehari-hari dan pola-pola budaya yang jelas di lihat melalui kekerapan amalannya.
Norazit Selat (1991:1)

Sebelum sesuatu tingkah laku itu menjadi adat dan tradisi tingkah laku tersebut mestilah diperakui, diamalkan dan seterusnya diperturunkan kepada generasi-generasi yang berikutnya. Ada kalanya penerimaan sesuatu amalan itu diperteguhkan lagi oleh hukum adat. Mereka yang melanggar adat akan didenda atau dikenakan isbat sosial.



Adat menjadi alat mengekalkan norma yang tertentu dalam masyarakat dan telah dipersetujui oleh anggota masyarakat sejak turun temurun. Dengan adanya adat ini ia menjadi alat kawalan sosial, peraturan, undang-undang tentang apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan dalam hidup bermasyarakat. (Adnan Abd Majid dan Ibrahim Mohd Said, 2003: 213).

Kepelbagaiannya ciri-ciri adat merupakan sifat umum bagi semua budaya. Ia merupakan keragaman yang menarik serta memperkayakan seni adat sesuatu bangsa. Kepelbagaiannya dalam keragaman dalam seni adat dapat dilihat dengan nyata dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Perbezaan ciri-ciri adat bukan sahaja terdapat antara penduduk negeri bahkan lebih ketara lagi ialah perbezaan antara masyarakat pelbagai keturunan bangsa yang diwarisi seni adat masing-masing.





Seni adat sebagai satu cabang kebudayaan, sifatnya tidak membeku. Dari semasa ke semasa ia mengalami perubahan demi perubahan. Proses perubahan berlaku secara beransur-ansur, tanpa disedari oleh masyarakat itu sendiri. Pada umumnya masyarakat itu menerima perubahan-perubahan yang berlaku ia membawa kebaikan dan kesejahteraan kepada mereka. Sebaliknya jikalau perubahan itu membawa keburukan maka ia akan ditentang. Pada dasarnya adat memperlihatkan sifat-sifat budi sesuatu bangsa iaitu termasuk sopan santun, budi bahasa, peraturan dan aturan hidup yang berdasarkan kepada falsafah dan juga agama yang dianuti. Oleh itu setiap anggota masyarakat perlu mengetahui atau mengenali ciri-ciri adat yang penting dalam kehidupan masyarakat dan negara mereka. (Asmad, 1990:2-6).

Cassirer (1987) dalam Tjetjep Rohendi Rohidi (2000:3-4), kesenian pula sering menyertai dalam adat dan kehidupan manusia sejak mula kehidupan dan sekaligus juga merupakan bahagian yang tidak terpisah daripada seluruh kehidupan manusia. Segalanya itu menunjukkan keunikan kesenian, sama ada dilihat daripada aspek usianya ataupun keuniversalannya sebagai satu bahagian daripada kebudayaan. Setiap masyarakat, sama ada secara sedar atau pun tidak sedar mengembangkan kesenian sebagai ungkapan dan pernyataan rasa estetik yang mempersonakan selari dengan pandangan, aspirasi, keperluan, dan idea yang menguasainya. Cara-cara pemuasan terhadap keperluan estetik itu ditentukan secara budaya dan terintegrasi dalam keseluruhan sistemnya. Proses pemuasan keperluan estetik berlaku dan diatur oleh seperingkat nilai dan asas yang berlaku di dalam masyarakat, oleh itu cenderung untuk diwujudkan dan diwariskan pada generasi seterusnya.

Haris dan Moran,(1991) pula menyatakan masyarakat sebagai satuan kehidupan sosial manusia yang menepati suatu wilayah tertentu, hidup dalam dan menghadapi cabaran serta rangsangan daripada persekitaran serta alam semula jadi di





mana mereka tinggal. Dalam menghadapi tantangan dan rangsangan daripada persekitaran dan alam semula jadi tersebut, mereka secara dialektik mengembangkan kebudayaan dan sekaligus menggunakan secara bersama sebagai pedoman untuk strategi adaptasi dan upaya memenuhi keperluan hidupnya.

Dapatlah difahamkan bahawa masyarakat, kebudayaan dan seni khasnya merupakan suatu satuan fenomena yang menarik untuk dijadikan objek penyelidikan. Sepertimana yang diketahui adat menyedia dan memakan pulut semangat merupakan adat atau amalan penting yang dibuat bagi tiga majlis iaitu majlis perkahwinan, berkhatan dan majlis bertindik bagi masyarakat Melayu di kawasan kajian. Adat memakan pulut semangat ini perlu dibuat kerana ia dipercayai sebagai ‘tilik nasib’ atau panduan dalam membantu kehidupan orang yang terlibat untuk menempuh hidup pada hari-hari seterusnya. Ia juga dianggap panduan kepada ahli keluarga untuk membantu menyelesaikan masalah jika berlaku perkara yang kurang baik dalam kehidupan kanak-kanak atau remaja di kemudian hari manakala bagi mempelai, ia sebagai panduan dalam menempuh hidup berumahtangga. Pasangan mempelai ini akan dinasihati oleh pihak tertentu yang mempunyai kepakaran dalam meletakkan makna di sebalik bahagian pulut semangat yang dimakan.

Dalam penyediaan pulut semangat, selain nilai estetika diambil kira, nilai moral amat dipentingkan kerana ia memberi kesan yang mendalam dalam kepercayaan. Gubahan pokok menjalar, bulan bintang serta pemilihan warna dan bentuk telah menunjukkan nilai estetika berkembang seiringan dalam budaya masyarakat Melayu dahulu kala. Penyediaan ini bukan dibuat oleh sebarang orang malah hanya orang-orang tertentu sahaja yang boleh menyediakan pulut semangat ini dari awal hingga ke akhirnya. Manakala maksud di sebalik bahagian yang dimakan





pula akan menjadi tanggungjawab orang yang mempunyai pengetahuan untuk menilaikannya.

Penulis memilih tajuk ini untuk penyelidikan kerana adat memakan pulut semangat makin dilupakan. Akibat daripada kesedaran terhadap agama yang mempunyai pencanggahan antara kepercayaan dan budaya ini, maka pulut semangat makin ditinggalkan. Namun begitu jika pulut semangat disediakan kini, ia hanya untuk menyerikan majlis atau untuk tujuan keseronokan sahaja tetapi bukan mempunyai maksud sepertimana pulut semangat yang disediakan pada zaman sebelum ini.

Arus permodenan dan perkembangan teknologi juga telah menjadi salah satu punca adat atau amalan memakan pulut semangat ini semakin dilupakan. Ketiadaan adat ini tidak memberi kesan dalam majlis yang dilakukan. Sehubungan dengan itu untuk tidak hilang dek zaman akan kepentingan amalan atau adat memakan pulut semangat pada masa dahulu, penulis cuba untuk mendapatkan maklumat daripada pihak yang berpengetahuan dan daripada mereka yang pernah terlibat secara langsung dalam adat atau amalan menyedia pulut semangat untuk majlis-majlis tertentu. Dengan ini dapat mengungkai kembali kepentingan penyediaan pulut semangat.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dan mengenal pasti nilai moral, estetika dan kepercayaan yang terdapat dalam adat atau amalan menyedia dan memakan pulut semangat di kawasan kajian. Berikutnya itu digariskan tiga objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu:





- a. Mengetahui nilai moral, nilai estetika dan kepercayaan dalam proses menyedia dan memakan pulut semangat.
- b. Mengetahui perkaitan antara majlis atau upacara dan amalan memakan pulut semangat
- c. Mengetahui cara penyediaan pulut semangat dan kaitannya dengan kepercayaan dan nilai moral.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian yang disenaraikan persoalan berikut perlu dijawab dalam kajian ini iaitu:-

- a. Apakah bentuk nilai yang terdapat dalam budaya pulut semangat?
- b. Mengapa nilai dalam budaya pulut semangat itu wujud?
- c. Apakah bentuk majlis atau upacara yang diamalkan dalam budaya pulut semangat?
- d. Bagaimanakah nilai dalam budaya pulut semangat dipersembahkan?

1.5 BATASAN KAJIAN DAN KEKANGAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang memerlukan penyelidik ke lapangan dan berada dalam situasi kajian. Kajian ini melibatkan tiga orang responden iaitu Puan Rahmah Mat Piah yang merupakan penyedia pulut semangat, Puan Rokiah Ismail, bekas bidan dan Encik Mohd Sofian Abdul Hamid yang pernah berkhidmat sebagai pembantu mudim. Mereka ini berpengetahuan dan terlibat secara langsung dalam adat atau amalan memakan pulut semangat di kawasan kajian.





Kajian ini dijalankan di Kampung Tanjung Kala iaitu sebuah kampung yang terletak dalam daerah kecil Gerik di Daerah Hulu Perak. Namun begitu hasil kajian ini bukanlah keputusan yang boleh mewakili semua kawasan namun ia hanya bagi penduduk kawasan kajian sahaja. Ini kerana setiap kawasan mempunyai persepsi yang agak berbeza dan mempunyai unsur-unsur tokok tambah yang berhubung dengan ideologi dan perkembangan teknologi masa kini. Hal ini telah jelas diketengahkan oleh Dr. Hari Poerwanto dalam *Kebudayaan dan Lingkungan dalam Perspektif Antropologi* (2000).

Ketepatan kajian adalah berdasarkan data-data pemerhatian dan temu bual terhadap responden sewaktu kajian dijalankan serta rakaman visual terhadap hasil gubahan pulut semangat yang dibuat. Jika terdapat persamaan ia adalah sifat budaya yang saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain. Dalam kajian ini kekangan untuk memperolehi rakaman audio temu bual amat dirasai. Ini kerana ketiga-tiga responden tidak membentarkan untuk merakamkan suara mereka. Keadaan ini berlaku kerana mereka menganggap budaya pulut semangat tidak sesuai lagi diamalkan kerana bercanggah dengan amalan dan kepercayaan beragama. Atas kesedaran ini mereka tidak mahu lagi untuk memperkatakan tentang budaya pulut semangat ini. Namun begitu jika pulut semangat disediakan dalam majlis atau upacara tersebut, ia hanyalah berfungsi untuk menghiburkan mereka yang terlibat sahaja.





1.6 DEFINISI ISTILAH DAN PENGERTIAN

Sebelum kajian dijalankan, proses kajian literatur telah dilaksanakan bagi memahami konsep dan istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian. Konsep dan istilah yang perlu diketahui adalah seperti berikut:

1.6.1 Kebudayaan

Dari segi ilmiah, berbagai-bagai takrif dikemukakan oleh ilmuan-ilmuan berdasarkan pendapat-pendapat masing-masing. Robert Bierstedt dalam bukunya *Social Order* menyatakan bahawa kebudayaan ialah kesemua yang kita fikir, yang kita buat, dan yang yang kita miliki sebagai ahli dalam masyarakat dan Edward B. Tylor, dalam *Primitive Culture* dalam A. Aziz Deraman (2001:2) memberi definisi kebudayaan dari segi antropologi mengatakan:

“Kebudayaan adalah keseluruhan kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam, dan apa-apa juga kebolehan serta kebiasaan (tabiat) yang didapati oleh manusia sebagai ahli sebuah masyarakat”.

Daripada definisi ini, kita boleh katakan bahawa kebudayaan ialah apa-apa yang kita fikir, kita buat, dan kita miliki dalam kehidupan yang merangkumi semua bidang kehidupan baik pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, moral, adat istiadat, mahupun apa juga cara hidup kita yang merupakan penglahiran daripada apa yang kita warisi daripada masyarakat kita. Cara pemikiran kita sesuai dengan cara berfikir anggota masyarakat yang lain. Begitulah juga apabila kita melakukan atau menghasilkan daripada apa-apa yang kita fikir dan lakukan. Jadi, kebudayaan adalah cara hidup satu masyarakat baik dari segi pengumpulan idea dan perasaan, kepercayaan, lambang, nilai kemasyarakatan, serta objek kebendaan yang diwarisi turun-temurun.





Sifat budaya universal tetapi pada masa yang sama terdapat perbezaan antara budaya satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Cara tertentu dapat menggambarkan keuniversalan budaya, iaitu salah satu ciri atau sifat yang ada pada semua manusia atau tempat mereka dan bagaimana cara hidup mereka. Ditinjau secara objektif, terdapat bahagian tertentu budaya dan masyarakat, misalnya, cara hidup tertentu atau bagaimana mereka bekerja bagi meneruskan kehidupan atau memiliki peralatan bagi menguasai alam persekitaran, cara pembahagian hasil atau sebagainya yang dapat dilihat dalam struktur ekonomi masyarakat yang dikaji. Mereka juga terikat dengan institusi kekeluargaan sebagai unit sosial sama ada keluarga asas (*nuclear family*) atau keluarga besar (*extended family*) yang terikat dan berbeza pula dari ikatan perkumpulan yang lain selain keturunan darah yang sama dan hidup dalam satu lingkungan kawalan sosial (*social control*) yang harus dapat ditinjau dalam sistem politik mereka. Justeru itu Laslie A. White dalam Francis E Merrill (1969:81) menyatakan

“Culture is an organization of phenomenon - acts (patterns of behaviour): objects (tools, thing made with tools, thing knowledge) : and sentiments (attitudes, values) – that is dependent upon the use of symbols”.

E.B. Taylor dalam Asmad (1990 :3) merumuskan kebudayaan sebagai suatu keseluruhan yang susunannya berkait yang meliputi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan lain-lain serta kebiasaan yang diamalkan oleh manusia dalam sifatnya sebagai anggota sesuatu masyarakat. Zainal Kling dalam Wan Abdul Kadir Yusoff, Zainal Abidin Borhan(1985:4-5), memberi takrifan kebudayaan meliputi segala-gala yang terdapat dalam masyarakat termasuk segala gagasan(idea), alatan, material dan bentuk pengucapan(*expression*). Kebudayaan adalah segala ciptaan dan warisan manusia hidup bermasyarakat dan





sentiasa ditanggap sebagai ciri-ciri hidup manusia yang dipelajari, sebagai sistem perhubungan antara individu dalam masyarakat, sebagai hasil penyesuaian anggota masyarakat dengan alam tabii sekitarannya dan mempunyai sifat berlanjutan melebihi dari hayat hidup manusia yang mendukungnya (*supraorganic*) hingga anasir itu menjadi tradisi, sejarah dan tamadun.

Sebagai rumusan kebudayaan merupakan keseluruhan cara hidup manusia. Ia termasuklah pengetahuan, kesenian, kelengkapan hidup, sistem ekonomi dan kemasyarakatan bahasa dan adat istiadat. Kebudayaan adalah segala kelakuan manusia yang tidak statik tetapi dinamik. Kebudayaan ini akan mengalami perubahan menurut perkembangan pemikiran manusia dan persekitaran.



1.6.2 Nilai

Menurut tafsiran Kamus Dewan(1993: 864), nilai merujuk kepada satu harga, kadar, mutu dan taraf bagi penilaian terhadap sesuatu objek. Walau bagaimanapun, nilai itu seharusnya berdasarkan pemikiran yang rasional dan bukanlah mengikut perasaan semata-mata (Teuku Iskandar, 1984:734). Terry Engleton (1988:13) pula menyatakan nilai membawa maksud apa-apa yang dihargai oleh orang-orang tertentu, dalam keadaan tertentu, mengikut aturan-aturan tertentu dan bergantung kepada tujuan-tujuan tertentu.

Nilai wujud dalam dua keadaan iaitu nilai moral dan nilai estetika atau keindahan. Namun begitu kedua-dua nilai ini menjelaskan tentang tanggapan manusia terhadap sesuatu.

“Values are the standards by which members of a society define what is good or bad, holy or unholy, beautiful or ugly. They are assumptions that are widely shared within





the society. Values are a central aspect of the normative culture of a society and are important because they influence the behavior of the members of a society. The predominant values in the United States include individual achievement and success, efficiency, progress, material comfort, equality, freedom, science, rationality, nationalism, and democracy, along with many other assumptions" (Williams, 1970; Bellah et al., 1985 dalam Raymond Scupin, 2000: 44)

Norazit Selat, (1989:85) mendefinisikan nilai ialah satu tingkah laku yang diterima dan diamalkan oleh sesuatu kelompok atau masyarakat. Nilai juga memberi satu ukuran untuk menilai sesuatu tindakan yang diambil. Umumnya konsep nilai akan mempertimbangkan sesuatu tindakan itu daripada segi betul atau salah, wajar atau tidak dan sebagainya.

Kesimpulanya nilai ialah satu ukuran yang dibuat oleh masyarakat iaitu mendefinisikan kebaikan dan keburukan sesuatu perkara. Ianya diterima pakai oleh masyarakat setempat. Ia juga adalah tanggapan baik buruk terhadap perilaku dan merupakan aspek penting dalam budaya masyarakat kerana ia mempengaruhi sikap individu di dalam masyarakat tersebut. (Siti Razmah Hj. Idris dan Fatimah Azzahra, 1996: 2)

i. Nilai Moral

Nilai ialah tanggapan baik dan buruk dalam kehidupan masyarakat. Moral memberi maksud ajaran atau pegangan. Carol W. Lewis dalam bukunya *The Ethical Challenge in Public Service -1991* nilai ialah "*beliefs about right and wrong*". Walau bagaimanapun, beliau mengingatkan bahawa nilai etika atau moral tidak semestinya selari, "*Not all values are the same or are associated with ethical behaviour. Some*





muster virtues, the habits of ethical action embedded in character.” LaRue Tone Hosmer pula dalam bukunya, *The Ethics of Management – 1991* menambah bahawa nilai akan membentuk ... “*the moral standards of individuals.*” Sarji Abdul Hamid dalam Ismail Ibrahim dan Wan Roslili Abd. Majid (1995:1).

Norazit Selat (1989:83) menyatakan nilai moral setiap individu dikawal oleh beberapa prinsip tertentu. Selain agama, prinsip-prinsip yang lain ialah ideologi dan adat. Ideologi politik orang Melayu misalnya telah menentukan bahawa orang Melayu mesti hormat dan memuliakan Rajanya. Seorang yang hidup berkelompok pula mesti mengikut sistem moral yang ditentukan oleh adatnya. Prinsip-prinsip sistem moral ini jugalah yang menjadi teras kehidupan sosial dan yang menentukan penyusunan dan pengubahsuaian nilai-nilai sosial yang lain. Rumusannya nilai dan etika murni ini dapat diperkembangkan dan semuanya berkait rapat dengan pembinaan



ii. Nilai Estetika/Keindahan

Indah dalam seni menurut Winckelmann dalam Johari Ab. Hamid, (2004:119) ialah melibatkan semua yang difikirkan, diberi reka bentuk dan diusahakan. Manakala keindahan pula menjurus kepada ilmu pengetahuan. Konsep keindahan bagi beliau ialah yang benar dan salah. Konsep keindahan yang sebenar terdapat di dalam karya seni purba dan konsep yang salah terdapat dalam karya moden. Beliau juga menegaskan keindahan mesti mempunyai ciri-ciri kesatuhan, kesederhanaan dan perasaan. Keindahan itu mesti dinikmati oleh deria dan dimengerti oleh para intelek. Perasaan yang lahir dari deria dalaman dan luaran adalah penting untuk mengenal dan menikmati keindahan. Ketepatan deria luaran bergantung kepada pemerhatian,





penghayatan dan penganalisaan warna dan rupa bentuk sebenar. Manakala deria dalaman yang bersifat sensitif akan dapat menghayati mesej yang hendak disampaikan.

Linda Purnawati menyatakan

“Estetika hanya terbatas pada renungan filsafat tentang seni, ia membicarakan hal ehwal seni keindahan dan cita rasa seni. Keindahan adalah kesedaran nilai yang muncul di dalam persepsi kita dan muncul sewaktu menanggapi ekspresi sesuatu objek. Keindahan adalah unsur emosional sesuatu perasaan terpesona yang menyenangkan pada diri kita, kita timbulkan dari unsur-unsur karya keindahan merupakan kesedaran yang bersifat apresiatif, suatu sensasi objek yang membangkitkan kekaguman dan penghargaan”. (<http://www.senirupa.net/detail.php=83>)

Leon Battista Alberti dalam Nathan Knobler terjemahan Zakaria Ali (1985:33), mentakrifkan keindahan sebagai satu harmoni di antara semua bahagian dalam subjek sekalipun setelah bahagian-bahagian itu dipadankan mengikut kadar dan cantuman yang sebegini rupa sehingga tidak ada satu apapun yang ditambah, dikurang dan diubah kecuali untuk merosakkannya. Mereka mempercayai bahawa keindahan adalah hasil daripada perhubungan yang terkawal di antara bahagian-bahagian dalam sesebuah karya.

Zakaria Ali (1989:14) menyatakan konsep estetika yang agak umum ialah ialah struktur, warna, ruang komposisi, imbalan dan tema. Konsep ini boleh diperlanjutkan mengikut tafsiran pengalaman dan pengertian sendiri. Dengan demikian ia boleh menampung makna yang tercetus dari objek seni yang hanya dia seorang sahaja mengerti. Dengan menggunakan konsep umum ini dia mungkin dapat berkongsi pengetahuan yang diperolehnya sesudah mengupas sesuatu objek seni yang belum dilihat atau disentuh oleh orang lain.





1.6.3 Semangat

Menurut Kamus Dewan (1993:1152) semangat ialah kemahanan untuk melakukan sesuatu, nafsu, bekerja, waja atau kemahanan keras. Amran Kasimin (1991:2) menyatakan semangat adalah kekuatan dalaman yang dimiliki oleh semua benda yang mengawal sebahagian daripada emosi, kehendak termasuk fikiran manusia. Menurut kepercayaan Melayu tradisi, semangat wujud pada semua benda yang hidup atau mati. Antaranya ialah binatang, tumbuh-tumbuhan, kejadian alam seperti gunung-ganang, lembah, sungai dan sebagainya. Ia mempunyai jiwa dan bentuk seperti manusia, boleh makan dan minum, mempunyai perasaan marah dan suka. Boleh menolong, boleh diusir, dipanggil dan juga dimusnahkan kalau manusia lebih kuat daripadanya.

Semangat ada bersifat baik dan jahat. Semangat yang baik bertindak mengawal dan memberikan pertolongan kepada manusia termasuk menyembuhkan penyakit. Semangat juga boleh menghalau makhluk jahat yang merasuk manusia. Semangat jahat bersifat ganas dan sering menyakiti manusia. Ini terjadi kerana sifat semangat ini memang jahat. Perbuatan manusia juga boleh menyebabkan semangat yang baiak menjadi ganas dan bertindak jahat. Ini terjadi mungkin kerana perbuatan manusia yang melanggar pantang larang tertentu. Dari sinilah timbulnya berbagai-bagi pantang larang yang berkaitan dengan sesuatu tempat atau upacara yang perlu diikuti.

Kepercayaan masyarakat Melayu semangat atau '*soul-substance*' terdapat pada semua baik manusia, tumbuhan dan haiwan dan ia dihubungkait juga dengan masyarakat Malanes iaitu 'mana', suatu kuasa luaran yang telah bergabung dengan manusia, haiwan atau tumbuhan. (Raymond Scupin, 2000:44)





1.6.4 Kepercayaan

“Beliefs are cultural conventions that concern true or false assumptions, specific descriptions of the nature of the universe and humanity’s place in it”.
(Raymond Scupin, 2000:44)

Kepercayaan juga adalah salah satu aspek abstrak dalam budaya. Kepercayaan adalah satu konsep interpretasi iaitu membezakan antara yang betul dan salah. Sebagai contoh “*education is good*” adalah kepercayaan asas bagi masyarakat Amerika Syarikat manakala ‘*grading is the best way to evaluate student*’ pula satu kepercayaan bahawa ia merupakan cara yang berkesan untuk mengukur kejayaan seseorang dalam bidang pendidikan.

Menurut Kamus Dewan (1993:944) kepercayaan ialah keyakinan atau akuan

benarnya (adanya, berlakunya dan lain-lain) sesuatu, iman, iktikad, sesuatu yang dipercayai (diyakini, diterima sebagai benar) yang dipercayai turun-temurun, keyakinan, rasa pasti akan kejujuran (kebaikan) orang.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara keseluruhannya kajian terhadap nilai estetika, moral dan kepercayaan dalam amalan penyediaan dan memakan pulut semangat di kawasan kajian diharap dapat:

- a. Memberi pengetahuan kepada generasi muda juga masyarakat tentang adat atau amalan memakan pulut semangat di kalangan masyarakat Melayu di kawasan kajian.
- b. Melihat perkaitan dan kepentingan nilai estetika dan makna di sebalik gubahan pulut semangat yang dibuat.





- c. Mewujudkan kesedaran bahawa masyarakat Melayu tinggi dengan nilai-nilai yang tersirat dalam sesuatu perkara yang tersurat.

1.8 RUMUSAN

Dalam bab satu telah diterangkan mengenai pengenalan kepada kajian, latarbelakang kajian, iaitu mengapa kajian ini harus dijalankan, tujuan kajian juga menjelaskan objektif kajian dilakukan, persoalan kajian, batasan dankekangan kajian, istilah dan pengertian, kepentingan kajian, dan rumusan. Perbincangan akan diteruskan dalam bab kedua yang berkaitan dengan kajian literatur. Konsep budaya dan teori nilai yang merupakan rangka kepada perbincangan dan seterusnya menjadi kerangka teoretik untuk penyelidikan ini.

